**HMT223/4 – MORFOLOGI**

**SEMESTER 2 SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**TUGASAN: UJIAN SINTAKSIS**

| NAMA AHLI | MAKLUMAT |
|---|---|
| NURUL FIKRAH BINTI AZIZ  | NO MATRIK : 141428<br>NO IC : 980207-11-5208<br><br>EMAIL : nurulfikrah091@gmail.com |
| NURUL SHAFIQAH BINTI SULAIMAN  | NO MATRIK : 142054<br>NO IC : 981222-01-6392<br><br>EMAIL: nurulshafiqah016392@gmail.com |
| NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID  | NO MATRIK : 141084<br>NO IC : 980620-02-5740<br><br>EMAIL : anissyahirah0620@gmail.com |
| NUR ‘AFIFAH ‘EZZATI BINTI SUBKI  | NO MATRIK : 142814<br>NO IC : 980318-10-7008<br><br>EMAIL : svtafifah@gmail.com |

## GOLONGAN KATA

### Golongan Kata Nama

- Kata Nama ialah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama.
- Kata Nama dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu Kata Nama Khas, Kata Nama Am dan Kata Ganti Nama.
- Kata Nama terdiri daripada 4 pembentukan kata nama iaitu Kata Nama Tunggal, Kata Nama Terbitan, Kata Nama Majmuk dan Kata Nama Ganda.

### KUMPULAN KATA NAMA

1. Kata Nama Khas
   - Mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, institusi, undang-undang, bangsa, bahasa & pangkat.

| Kumpulan Kata Nama | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Khas | Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing | Bahasa Melayu | • Berdasarkan Tatabahasa Dewan, perkara yang berkaitan **bahasa** mendukung makna kata nama khas<br>• Lebih tepat lagi **bahasa** tergolong sebagai Kata nama khas tak hidup<br>• **Bahasa Melayu** hadir sebagai kata nama dalam binaan ayat frasa | • Menurut Abdullah Hassan (2003), kata nama khas sebagai kata yang menunjukkan nama benda, nama orang, nama tempat, dan nama perkara<br>• Tergolong dalam penggunaan kata nama bangsa dan bahasa.<br>• Nama bahasa atau bangsa tidak boleh digunakan secara bersendiri tetapi mesti ada kata lain seperti **bahasa melayu** |
| | para pelajar Timur Tengah | Timur tengah | • **Timur Tengah** merupakan nama tempat<br>• Perkataan **Timur Tengah** merupakan kata nama yang menjadi penerang lokasi kepada inti kata nama jenis penjodoh bilangan para pelajar<br>• Hadir sebagai penerang inti binaan frasa | • **Timur Tengah** merupakan kata nama tempat.<br>• **Timur Tengah** merupakan frasa nama tempat asal yang menunjukkan unsur keterangan tempat bermastautin bagi inti |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | binaan frasa ataupun subjek dalam ayat;<br><br>Pelajar (subjek) > Timur Tengah (frasa nama tempat). |
| | "Selamat pagi Encik Arif" | Encik Arif | • Berdasarkan TBD, panggilan untuk orang tergolong sebagai kata nama | |
| | kelas bahasa Melayu di Universiti Tenaga Nasional, UNITEN. | Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). | • Kata nama khas jenis ini terdiri daripada perkataan yang merujuk benda-benda yang khusus tetapi bukan hidup, misalnya nama institusi | |
| | Dia perdana menteri ke berapa? | Perdana menteri | • Gelaran bagi pangkat<br>• Hadir sebagai subjek ayat | |

## 2. Kata Nama Am

| | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Am | Guru mereka | guru | • **Guru** merupakan kata nama am manusia<br>• Hadir sebagai subjek ayat dan penerang | • Meupakan Kata nama am hidup manusia:<br>• Contoh lain ialah petani, ayah, ibu, sasterawan, pelukis, jurujual |
| | pakaian dan permainan tradisional Melayu | Permainan | • **Permainan** merupakan perkataan yang umum. Oleh itu ia dikategorikan sebagai kata nama am.<br>• Perkataan nama am digunakan bagi menyebut sesuatu yang umum<br>• Penggunaan **permainan** akan menjadi frasa yang khusus apabila ditambah dengan penerang kata tradisional<br>• Secara tidak langsung kita dapat menunjukkan | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | perbezaan kata **permainan** dalam ayat apabila dihadiri dengan penerang iaitu beza antara **permainan trasional** dengan permainan moden. | |
| | Baju kurung | Baju | • **Baju** merupakan kata nama am yang mempunyai bentuk tunggal.<br>• Hal ini kerana perkataan baju yang terbentuk adalah tanpa menerima sebarang imbuhan, atau unsur lain. | |
| | Para pelajar UNITEN | pelajar | • Para **pelajar** yang merupakan kata nama bertugas sebagai subjek<br>• UNITEN berfungsi sebagai pelengkap<br>• Subjek merupakan perkara utama yang diceritakan yang terdiri daripada subjek orang. | • Berdasarkan buku Nahu Melayu Mutahir, **Pelajar UNITEN** tergolong dalam frasa Nama Pelaku dengan Objek Penderita.<br>• Terdapat hubungan antara pelaku dan perbuatan; hubungan antara **pelajar** dan **UNITEN.**<br>• Keterangan diwakili oleh kata nama yang merupakan objek penderita kepada inti |
| | guru ke kelas | kelas | • Kata nama tempat **kelas** menjadi pelengkap kepada subjek. | • Kata nama am tidak bernyawa<br>• Kata nama am ialah kata yang digunakan untuk menjelaskan nama sesuatu yang tidak bernyawa seperti nama tempat, tumbuh-tumbuhan, benda, dan sebagainya. |

## 3. Kata Ganti Nama

| | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Ganti Nama | Mereka berbeza budaya dan bahasa | mereka | • **Mereka** merupakan kata ganti diri ketiga yang berbentuk jamak<br>• Digunakan untuk orang yang bilangannya lebih daripada seorang<br>• Kata ganti nama ketiga boleh hadir dihadapan ayat sebagai subjek | • Penggunaan kata ganti nama **mereka** tidak boleh digandakan walaupun **mereka** yang diceritakan mempunyai bilangan lebih dari seorang.<br>• Abdullah Hassan (1995:11), kata ganti nama adalah kata yang berfungsi untuk menggantikan tempat kata nama atau kata sebagai pengganti kepada sesuatu kata nama.<br>• Contohnya perkataan **mereka** mungkin menggantikan kata nama Amin, Abu dan Ali<br>• Kata ganti nama boleh bergfungsi pada subjek dan objek ayat. |
| | Dialek masyarakat di sana | sana | • **Sana** ialah perkataan bagi kumpulan kata ganti nama tunjuk yang digunakan untuk menggantikan nama tempat.<br>• Penggunaan kata ganti nama tunjuk tempat **sana** hadir sebagai pelengkap dalam binaan ayat<br>• Subjek yang hadir sebelum kata ganti nama terdiri dari kata nama tunggal, kata nama khas dan kata nama am | • Golongan sini, situ, dan **sana** sebenarnya ialah kata nama yang berfungsi sebagai adverba bersama-sama kata depan di, dari, dan ke (Abdullah Hassan, 1994: 23). |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Contoh ayat lain ialah; Semua pelajar dikehendaki pergi ke sana. | |
| | penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu. | itu | • **Itu** merupakan kata ganti nama tunjuk umum<br>• **Itu** menunjukkan sesuatu yang jauh<br>• Fungsi kata ganti tunjuk adalah sebagai subjek dan letaknya di depan kata nama. Contohnya: sistem bahasa (KN) **itu** | |
| | Amir belajar di sekolah itu | itu | • Itu dalam ayat ini berfungsi untuk menentukan sesuatu.<br>• Kata ganti tunjuk juga boleh berfungsi sebagai penentu dan letaknya di belakang kata nama.<br>• Kata nama diikuti kata tunjuk | • Kata ganti nama tunjuk ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama dan menunjukkan benda atau perkara |
| | rakan-rakannya bersedia memberikan maklum balas yang sangat positif | Rakan-rakannya | • **-nya** boleh bertindak dalam dua keadaan<br>• Dicantumkan dalam akhir kata<br>• **-nya** boleh bertindak sebagai objek<br>• Boleh bertindak sebagai penerang<br>• Kedua-dua keadaan ini berfungsi dalam binaan frasa nama. | • **-nya** merupakan diri ketika yang diceritakan halnya. |
| | Dia perdana menteri | | • **Dia** merujuk kepada kata ganti nama diri orang ketiga<br>• Berdasarkan ayat, penutur sedang bercakap mengenai perdana | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | menteri dengan penutur lain.<br>• Ayat **Dia** perdana Menteri tergolong sebagai Klausa utama atau Klausa bebas<br>• Hal ini bermakna, ayat di sebelah boleh berdiri dengan sendiri sebagai ayat yang lengkap sekiranya disertai oleh intonasi yang sempurna.<br>• Dianggap sempurna kerana kerana terdapat kesenyapan pada ayat iaitu dengan simbol noktah. | |

**BENTUK KATA NAMA**

1. Kata nama Tunggal

- Perkataan yang terdiri dari satu morfem bebas
- Menjadi inti kepada frasa nama
- Terbahagi kepada 2 iaitu; Jenis akronim & sebagai penjodoh bilangan

| Bentuk Kata Nama | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Tunggal | Empat orang perempuan | Empat orang | • Kata nama boleh terdiri dari kata nama tunggal penjodoh bilangan<br>• Frasa nama (FN) boleh dikenal pasti melalui ciri khususnya iaitu ia boleh didahului oleh kata bilangan<br>• **Empat orang** merupakan kata penjodoh bilangan untuk perempuan<br>• Kata nama perempuan didahului dengan kata | • Penjodoh bilangan digunakan sebelum sesuatu kata atau nama yang menunjukkan jumlah atau bilangan.<br>• kata nama didahului oleh kata bilangan dengan atau tanpa kehadiran penjodoh bilangan<br><br>contoh; seorang, dua kerat & 3 kuntum |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | penjodoh bilangan **empat orang** | |
| | Pelajar perlu berdikari dalam menjalankan tugasan | berdikari | • **berdikari** merupakan kata nama akronim yang membawa maksud berdiri atas kaki sendiri.<br>• Menjadi subjek dalam ayat | • Akronim ialah kata singkatan yang terbentuk daripada gabungan huruf awal suku kata atau gabungan huruf awal suku kata dengan suku kata daripada satu rangkai kata. |
| | kursus Bahasa Malaysia Penulisan Ilmiah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). | UTM | • **UTM** merupakan kata nama tunggal jenis akronim<br>• Dibentuk melalui percantuman huruf awal beberapa perkataan yang terdiri dari kata nama khas | |

## 2. Kata Nama Terbitan

- Terhasil daripada proses pengimbuhan
- 4 jenis imbuhan yang dapat menghasilkan kata nama terbitan

| Bentuk Kata Nama | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Terbitan | Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing | Pengajaran | • **Pengajaran** berada di awal subjek dalam ayat frasa nama.<br>• **Pengajaran** dikatakan sebagai kata nama kerana menerima imbuhan apitan kata nama peN-…-an<br>• **Pengajaran** yang berasal dari kata dasar 'ajar' yang merupakan kata kerja berubah kepada golongan kata nama apabila menerima imbuhan apitan peng-…-an<br>• Sebagai subjek dalam ayat | • Menurut buku Nahu Melayu Mutakhir, imbuhan peN-…-an merupakan morfem terikat terbahagi.<br>• Menggunakan kata dasar dari kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata bilangan<br>• peN-…-an menunjukkan perbuatan<br>• **Pengajaran** ialah perbuatan ajar |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Penutur Asing | • **Penutur** menerima imbuhan peN-<br>• Berubah golongan kata selepas mendapat imbuhan iaitu dari Kata kerja kepada kata nama.<br>• **Penutur asing** merupakan binaan frasa nama.<br>• Kata 'asing' memberikan keterangan lanjut kepada inti frasa nama.<br>• Berdasarkan bacaan, **'penutur asing'** ialah<br>• Inti + penerang nama keturunan yang akhirnya membentuk binaan frasa nama.<br>• Contoh lain; bangsa belanda, pelajar Amerika & Orang Melayu | |
| | Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan kerajaan | kerajaan | • perkataan **kerajaan** merupakan kata terbitan bagi kata dasar raja<br>• Kata nama **kerajaan** boleh hadir sebagai objek.<br>• Hal ini kerana, ayat peranan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar di instutusi pendidikan sudah boleh berdiri sendiri<br>• Menerima imbuhan ke-…-an<br>• Hadir sebagai predikat ayat | |
| | gangguan emosi seperti lupa, marah, takut dan sebagainya | gangguan | • Menerima imbuhan akhiran -an<br>• Menjadi subjek dalam ayat | |

## 3. Kata Nama Majmuk

- Proses merangkaikan 2 kata dasar atau lebih yang membawa makna
- Mengandungi kata majmuk mantap
- Kata nama majmuk boleh menerima imbuhan > kata terbitan

| Bentuk Kata Nama | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Majmuk | Hasil sesi temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen | Temu bual | • **Temu bual** merupakan istilah khusus kata majmuk dalam bidang ilmiah. | |
| | Bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa | Antarabangsa | • Penggunaan kata majmuk mantap sebagai kata nama<br>• **Antarabangsa** sudah utuh sebagai kata nama majmuk walaupun mengandungi 2 kata dasar. | • Penulisan kata majmuk yang konvensyen |
| | Mata pelajaran ini berorientasikan peperiksaan semata-mata sahaja | Mata pelajaran | • **Mata pelajaran** merupakan istilah khusus kata majmuk dalam bidang ilmiah. | |

## 4. Kata Nama Ganda

- Kesemua bentuk kata nama boleh digandakan
- Terdapat 3 jenis penggandaan

| Bentuk Kata Nama | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis | Ulasan perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| Kata Nama Ganda | Pelajar-pelajar etnik cina pula lebih senang mengikuti pengajaran guru | Pelajar-pelajar | • Kata **pelajar-pelajar** terdiri daripada penggandaan penuh<br>• Merupakan penggandaan penuh kata nama berimbuhan dengan awalan.<br>• Contoh lain bagi penggandaan penuh kata nama berimbuhan ialah; pelatih-pelatih, kekasih-kekasih dan tatabahasa-tatabahasa | • **Pelajar-pelajar** merupakan perkataa gandaan penuh (morfologi Abdullah Hassan) |
| | Peserta kajian terdiri daripada guru-guru Sejarah, 4 orang | lelaki | • Perkataan lelaki merupakan penggandaan separa kata tunggal. | • Suku kata pertama yang digandakan hangya |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | perempuan dan dua orang lelaki | | • Penggandaan separa kata nama tunggal melibatkan suku kata pertama dalam kata dasar | mengulang konsonan |
| | Mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri | Mana-mana | • Menurut Nik Safiah Karim, kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar.<br>• Mana-mana merupakan perkataan bagi aspek makna penggandaan kata nama<br>• Gandaan sebagai penanda tidak tentu | |
| | Beberapa contoh penerangan guru berkaitan makanan | beberapa | • Menurut Nik Safiah Karim, kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar. | |

**GOLONGAN KATA KERJA**

Perkataan yang mengandungi perbuatan merupakan aktiviti yang terkandung dalam perkataan

Dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu Kata Kerja aktif dan Kata Kerja pasif.

Kata Kerja Aktif

| Kumpulan Golongan Kata Kerja | | Contoh ayat | Perkataan kata Kerja | Ulasan (Dalam Bentuk Ringkasan) |
|---|---|---|---|---|
| **Kata Kerja Aktif** | **Tak Transitif**<br>• **Tanpa Pelengkap** | i) Mereka mampu bangun<br><br>ii) Mereka merasa tidak tersisih serta mampu belajar | bangun<br><br>belajar | • Kata kerja ini boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut<br>• Tidak memerlukan pergantungan pada unsur lain untuk melengkapkan makna atau ayat.<br>• Boleh diikuti oleh unsur keterangan<br>• Perkataan kata kerja bagi kedua-dua ayat ini mampu berdiri sendiri tanpa memerlukan penambahan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | • **Berpelengkap** | i) Gejala ini menjadi martabat dan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu tercabarr | Menjadi | • Kata kerja ini mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud<br>• boleh dilihat jelas perkataan di ayat (i) ‘menjadi’ memerlukan pelengkap iaitu martabat |
| | | ii) Kemudian kedudukan bahasa Melayu bertambah baik apabila Laporan Razak (1956) menegaskan bahawa bahasa Melayu mesti diajar disemua sekolah, | bertambah | • Manakala untuk ayat (ii) bertambah memerlukan pelengkap iaitu baik<br>• Ayat (ii) menggunakan unsur pelengkap kata adjektif<br>• Sekiranya pelengkap digugurkan, ayat yang terhasil tidak sempurna. Ayat ini tidak boleh dipasifkan |
| | Transitif | i) kerajaan dapat mengawal penggunaan bahasa Inggeris di IPTA | mengawal | • Kata kerja ini mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya<br>• Kata kerja ini pula menerima awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau -i.<br>• Ayat (i) dilihat kata kerja aktif transitif seperti mengawal mengandungi objek daripada frasa nama iaitu Penggunaan bahasa inggeris |
| | | ii) Beliau mendefinisikan ilmu Malaysia sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber tempatan, | Mendefinisikan | • Ayat (ii) dilihat kata kerja aktif transitif seperti mendefinisikan mengandungi objek daripada frasa nama iaitu ilmu Malaysia<br>• Salah satu ukuran untuk melihat kata kerja transitif itu adalah dapat mengalami proses pasif atau tidak. |

## Kata Kerja pasif.

(Hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. (i)-(v), apabila dipasifkan)

| Kumpulan kata kerja | Contoh ayat | perkataan | ulasan |
|---|---|---|---|
| Kata Kerja Pasif | Laporan Razak (1956) disusuli oleh Laporan Rahman Talib yang dijadikan Akta Pendidikan 1961 | Disusuli | • Dihasilkan daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. (i)-(v),<br>• Kata kerja pasif biasanya ditandai dengan awalan di-, di-i, dan di-kan.<br>• Dalam ayat, kata kerja ini didahului oleh objek dan diikuti oleh pelaku.<br>• dalam ayat (i) kata Laporan Razak (1956) adalah objek, dan Laporan Rahman adalah pelaku. |
| | Bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyat, | difahami | • Dalam ayat (ii) kata Bahasa adalah objek, dan rakyat adalah pelaku.<br>• Dalam ayat ini, oleh boleh digunakan atau boleh digugurkan mengikut selera pengguna bahasa. |

**Pembentukan Kata Kerja**

Proses pembentukan kata bahasa Melayu terbahagi kepada 4 bahagian:

### 1. Kata kerja Tunggal

| Bentuk Kata Kerja | Contoh Ayat | Perkataan KK | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| Kata kerja tunggal | I) Mereka mampu bangun | bangun | • tidak mengambil sebarang imbuhan dalam penggunaannya dalam ayat<br>• BM tidak sebanyak kata kerja yang terbentuk dengan imbuhan<br>• Bagi ayat (i) dan (ii) menunjukkan bahawa perkataan kata kerja mereka ini mampu berdiri sendiri tanpa memerlukan sebarang imbuhan untuk menjelaskan keadaan dalam melakukan sesuatu<br>• Namun bagi ayat (iii) ini menunjukkan bahawa ianya merupakan kata kerja tunggal berbentuk akronim |
| | ii) Mereka merasa tidak tersisih serta mampu belajar | belajar | |
| | iii) Mereka boleh berdikari dan terlibat sama dalam pembangunan ekonomi. | berdikari | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Akronim ialah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal, suku kata, dan gabungan awal huruf dan suku kata perkataan atau rangkai kata yang ditulis dan dilafazkan sebagai perkataan tersendiri.<br>• ‘berdikari’ = singkatan daripada berdiri atas kaki sendiri. |

## 2. Kata kerja Terbitan

| Bentuk Kata Kerja | Contoh Ayat | Perkataan KN | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| Kata kerja Terbitan<br>• Awalan kata kerja | i) kajian ini cuba meneliti faktor-faktor yang dijangka dapat mempengaruhi sistem pendidikan teknik dan vokasional | meneliti | • Ianya mengalami proses pengimbuhan<br>• Imbuhan hadir pada awal perkataan<br><br>Ayat (i) dan (ii)<br>• menunjukkan bahawa perkataan kata kerja ‘meneliti dan mengawal’ mengalami awalan kata kerja dimana menerima imbuhan meN-<br>• Awalan meN membentuk kata kerja aktif sama ada transitif atau tak transitif.<br>• Kata kerja bagi kedua-dua ayat ini bermula dengan kata dasarnya yang berhuruf sama ada p, t, k dan s akan berubah menjadi bentuk sengau yang sama daerah artikulasi iaitu n=t, k=ng.<br>• Imbuhan ini boleh diterima dalam golongan kata utama iaitu kata nama, kata adjektif dan kata kerja.<br>• Makna perkataan dengan apitan meN- ini membawa maksud membuat sesuatu sama ada kata kerja yang terbentuk itu adalah kata kerja transtif atau tak transitif |
| | kerajaan dapat mengawal penggunaan bahasa Inggeris di IPTA | mengawal | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| • akhiran kata kerja | Pelajar berkeperluan khas dijangka dapat mempertingkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran yang akan mereka pelajari. | pelajari | • Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga akhiran kata kerja ialah unsur imbuhan hadir pada akhir kata dasar.<br><br>Ayat (i)<br>• menunjukkan bahawa perkataan kata kerja ‘pelajari’ itu mengalami akhiran -i<br>• Imbuhan ini boleh diterima dalam keempat-empat golongan kata utama cuma terdapat beberapa sahaja kata tugas yang sesuai digunakan<br>• Contoh= serta, sudah, atas<br>• Jenis kata kerja berakhiran dengan -i wujud dalam bentuk ayat pasif bagi orang pertama dan kedua.<br>Makna perkataan kata kerja iu membawa maksud menyebabkan sesuatu jadi atau kausatif. |
| | ii) Data yang telah mereka kumpulkan merupakan hasil daripada maklum balas melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden dan jawapan yang diberikan adalah mengikut keikhlasan responden | kumpulkan | Ayat (ii)<br>• menunjukkan bahawa perkataan kata kerja ‘kumpulkan’ itu mengalami akhiran -kan<br>• Akhiran -kan ini membentuk kata kerja transitif<br>• Hadir dalam ayat aktif transitif atau pasif<br>• Jenis kata kerja berakhiran dengan -kan wujud dalam bentuk ayat pasif bagi ganti nama orang pertama dan kedua<br>• Makna perkataan dengan imbuhan akhiran -kan ini menandakan kausatif serta benefaktif. |
| Apitan kata kerja | Pelajar khas cacat pendengaran di tiga buah politeknik yang melaksanakan program untuk pelajar berkeperluan khas. | Melaksanakan | • Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga apitan ialah unsur imbuhan hadir secara melingkungi kata dasar<br>• Imbuhan hadir pada awal dan akhir perkataan<br><br>Ayat (i)<br>• menunjukkan bahawa perkataan kata kerja ‘melaksanakan’ itu mengalami apitan dimana menerima imbuhan meN-…-kan<br>• Imbuhan ini boleh diterima dalam keempat-empat golongan kata utama |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Pada dasarnya kata kerja yang terbentuk dengan apitan meN-…-kan ini ialah kata kerja transitif yang digunakan sebagai unsur predikat yang perlukan objek atau penyambut.<br>• Makna perkataan dengan apitan meN-...-kan ini membawa maksud membuat sesuatu yang terkandung dalam kata dasar atau menandakan kausatif |
| | Bahasa Melayu senantiasa menghadapi cabaran dan kekangan dalam menjalankan tanggungjawab tersebut | menghadapi | Ayat (ii)<br>• menunjukkan bahawa perkataan kata kerja 'menghadapi' itu mengalami apitan dimana menerima imbuhan meN-…-i<br>• Imbuhan ini boleh diterima dalam keempat-empat golongan kata utama<br>• Apitan meN-...-i membentuk kata kerja terbitan bersifat transitif iaitu memerlukan objek serta boleh hadir dalam ayat aktif transitif.<br>• Makna perkataan dengan apitan meN-...-i ini menandakan lokatif |
| Sisipan Kata Kerja | Hal ini turut dibuktikan melalui asas kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar dalam menjelajah segala ilmu untuk memberi pendidikan yang baik untuk mereka | Menjelajah | • Dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi ketiga ini menjelaskan tidak ada sisipan yang dapat membentuk kata kerja<br>• Namun begitu kata nama dan kata adjektif yang mempunyai sisipan dapat dijadikan sebagai kata kerja<br>• Menurut ayat (i) mendapati bahawa perkataan kata kerja menjelajah dimana terdapat sisipan -el- pada kata dasarnya iaitu jelajah |
| | Para pelajar digalakkan untuk meneroka peluang pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemahiran mereka bagi menambhakan pengalaman | meneroka | • Ayat (ii) mendapati bahawa perkataan kata kerja meneroka dimana terdapat sisipan -er-pada kata dasarnya iaitu teroka. |

## 3. Kata kerja Majmuk

<table>
<tr><th>Bentuk Kata Kerja</th><th>Contoh Ayat</th><th>Perkataan KN</th><th>Analisis Ujian Sintaksis</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Kata kerja Majmuk</td><td>Bahagian Pendidikan Khas bersama dengan Jabatan Pendidikan Teknikal perlu mengemaskini sukatan pelajaran pada masa akan dating</td><td>mengemaskini</td><td rowspan="2">• Terdiri daripada rangkaian dua morfem bebas atau lebih<br>• Kata kerja majmuk mudah dikenal pasti dengan adanya penggunaan imbuhan yang mengikat komponen-komponennya.<br>• Kata majmuk ini apabila menerima awalan, kata dasarnya tetap dieja terpisah tetapi apabila menerima apitan, kata dasarnya dieja bercantum<br>• Imbuhan yang ditambah dalam kata kerja majmuk iaitu beR (bertanggungjawab, bersatu padu) meN-kan (menyatupadukan, mengemaskinikan)</td></tr>
<tr><td>Secara keseluruhannya, pihak yang bertanggungjawab iaitu pensyarah dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) didapati telah menunaikan tanggungjawab mereka untuk melahirkan masyarakat yang berilmu 16% untuk setiap kursus.</td><td>bertanggungjawab</td></tr>
</table>

## 4. Kata kerja Ganda

<table>
<tr><th>Bentuk Kata Kerja</th><th>Contoh Ayat</th><th>Perkataan KN</th><th>Analisis Ujian Sintaksis</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Kata Kerja Ganda</td><td>Mereka juga mempunyai minat, hasrat dan bercita-cita untuk setanding dengan individu normal.</td><td>Bercita-cita</td><td rowspan="2">• Kata kerja ganda yang dibentuk daripada penggandaan hanya melibatkan kata dasar dan bukan imbuhan.<br>• Kata dasar yang terlibat boleh digandakan seperti berikut:<br>• Seluruh kata digandakan, dengan syarat kata itu tidak diberi apa-apa imbuhan<br>• seperti ayat (i) iaitu cara-cara<br>• Hanya kata dasar pada kata yang diberi imbuhan yang digandakan seperti ayat (ii) iaitu bercita-cita<br>• Makna yang dibawa oleh penggandaan dalam contoh-contoh di atas adalah perbuatan yang berulang-ulang, yang berterusan, atau yang berbalasan.</td></tr>
<tr><td>Guru-guru perlu menguasai kemahiran, terutama yang berkaitan cara- cara mendidik, mengasuh malah membimbing pelajar berkeperluan khas ini</td><td>Cara-cara</td></tr>
</table>

## GOLONGAN KATA ADJEKTIF

- Kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif
- Di dalam ayat, kata adjektif berfungsi untuk menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama.
- Kata adjektif boleh disertai kata keterangan amat, paling, sangat dan sebagainya yang berfungsi sebagai kata penguat sebagai contoh cantik sekali, amat sakit, terlalu banyak dan sebagainya.
- Kata adjektif mempunyai 9 jenis kata adjektif dan 4 pembentukan kata adjektif.

Golongan Kata Adjektif

| Jenis Kata Adjektif | Perkataan kata Adjektif | Contoh Ayat | Analisis ujian sintaksis | Ulasan |
|---|---|---|---|---|
| Sifat | Baik | Kandungan berita yang **baik** dan bermutu boleh mendatangkan kebaikan | • Di dalam contoh ayat yang diberikan, perkataan 'baik' boleh menjadi kata adjektif sifat kerana baik itu menerangkan tentang kandungan berita tersebut.<br>• Ia menunjukkan kandungan berita itu bersifat baik seperti menggunakan bahasa yang sopan, bahasa halus dan sebagainya. | • Menurut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al 2015) m/s 227, kata adjektif sifat terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian sifatan atau keadaan sebagai unsur keterangan nama.<br>• Manakala menurut Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar 2015) m/s 165, kata ini dinamakan sebagai kata sifat tabii yang memberi pencirian kepada kualiti tertentu yang ada pada tabiat atau perangai manusia. Kata sifat tabii mempunyai dua subgolongan iaitu subgolongan positif (baik, tertib) dan subgolongan negatif (buruk, jahat, nakal). |
| Ukuran | besar | Ajaran Islam sangat memberi kesan **besar** untuk mengubah | • Perkataan 'besar' menjadi unsur keterangan kepada kesan ajaran Islam yang diajar.<br>• Perkataan 'besar' merujuk kepada ukuran yang | • Menurut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al 2015) m/s 227, kata adjektif ukuran ialah jenis perkataan yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan, |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | kehidupan masyarakat | menunjukkan ajaran Islam ini mempunyai pengaruh yang besar. | • Menurut Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar 2015) m/s 166, kata sifat ukuran adalah kata bersifat yang merujuk kepada ukuran benda bernyawa atau tidak bernyawa dan konkrit atau abstrak. |
| Waktu | baharu | Segala permasalahan **baharu** yang berlaku dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan baik | • Perkataan 'baharu' ini menjelaskan pengertian masa yang menjadi unsur keterangan. | Menurut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al 2015) m/s 229, kata adjektif waktu ialah jenis perkataan yang membawa pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan.<br>Menurut Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar 2015) m/s 169, kata sifat waktu seperti lama, baru, segera, susu segera, baju baru dan sebagainya. |
| Cara | selalu | Janganlah engkau menurut kemahuan orang yang **selalu** bersumpah | • Perkataan 'selalu' menjadi penerang kata nama.<br>• Engkau itu merupakan kata nama yang memerlukan selalu sebagai penerang. | • TBD (Nik Safiah Karim et al 2015) TBD m/s 231, kata adjektif cara ialah jenis perkataan yang membawa pengertian keadaan kelakuan atau ragam manakala menurut. |
| Perasaan | suka | Allah tidak **suka** kepada orang-orang yang khianat | • Perkataan 'suka' menjadi penerang kata nama dan diikuti oleh kata sendi.<br>• Perkataan Allah ialah kata nama manakala kepada merupakan kata sendi. | • TBD (Nik Safiah Karim et al 2015) m/s 231, kata adjektif perasaan ialah perkataan yang membawa konsep perasaan sebagai penerang kata nama dan diikuti oleh kata sendi.<br>• Manakala menurut Nahu Melayu Murakhir (Asmah Haji Omar 2015) m/s 171, ia merujuk kepada kata sifat emosi yang merujuk kepada perasaan yang muncul disebabkan sesuatu berlaku. Ada emosi yang positif seperti gembira, Bahagia dan ada juga emosi negatif seperti sedih, kecewa dan sebagainya. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Jarak | jauh | manusia yang paling jauh daripadaku pada hari kiamat kelak ialah orang yang banyak bicara | • Perkataan 'jauh' sebagai penerang kata nama<br>• Contoh tersebut menunjukkan manusia ialah kata nama dan jauh menjadi penerang kepada perkataan manusia. | • TBD (Nik Safiah Karim 2015) m/s 230, kata adjektif jarak ialah jenis perkataan yang membawa pengertian konsep ruang antara dua bentuk atau keadaan. |

## Bentuk Kata Adjektif

| Bentuk Kata Adjektif | Perkataan kata Adjektif | Contoh Ayat | Analisis ujian sintaksis | Ulasan |
|---|---|---|---|---|
| Kata adjektif tunggal | palsu | Berita **palsu** terjadi akibat rekaan yang tiada asas kebenarannya, | • Perkataan 'palsu' terhasil daripada bentuk kata dasar<br>• Tiada pengimbuhan berlaku.<br>• Boleh menerima kata bantu dan kata penguat contohnya amat palsu | • Menurut TBD, Nik Safiah Karim et al (2015) m/s 235, kata adjektif tunggal digunakan dalam ayat sebagai predikat dan sebagai penerang kata nama. |
| Kata adjektif terbitan | Keresahan<br><br>kegelisahan | menimbulkan **keresahan** dan **kegelisahan** dalam kalangan masyarakat | • Menerima apitan kata adjektif ke-…-an.<br>• Perkataan asal ialah 'resah' dan 'gelisah' yang merujuk kepada kata adjektif perasaan. | • Menurut TBD, Nik Safiah Karim et al (2015) m/s 235, kata adjektif boleh terdiri daripada kata dasar yang menerima imbuhan seperti awalan, apitan dan sisipan yang digandingkan pada kata dasar.<br>• Imbuhan awalan yang membentuk kata adjektif terbitan ialah ter- dan se- manakala imbuhan apitan ialah ke-…-an dan imbuhan sisipan seperti -em-, -el-, -er-, dan -in-. |
| Kata adjektif ganda | Tergesa-gesa | tidak **tergesa-gesa** dalam menyebarkan | • Perkataan 'tergesa-gesa' merujuk kepada penggandaan separa | • Menurut TBD, Nik Safiah Karim et al (2015) m/s 239, kata adjektif ganda |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | berita dan menghindari sikap mengejek. | kata adjektif iaitu penggandaan separa pada kata berawalan | ialah perkataan yang terhasil daripada proses mengulang kata dasar adjektif<br>• Dapat diterbitkan melalui tiga cara iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak. |
| Kata adjektif majmuk | Berat hati | Sesetengah orang **berat hati** untuk menyebarkan perkara yang baik | • Perkataan 'berat hati' yang membawa maksud kiasan.<br>• Berat hati ini bermaksud enggan ataupun tidak sampai hati.<br>• Perkataan 'berat' menunjukkan kata tersebut ialah kata adjektif. | • Menurut TBD, Nik Safiah Karim et al (2015) m/s 242, kata adjektif majmuk ialah perkataan yang terhasil daripada proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu.<br>• Kata adjektif majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit. |

**KATA TUGAS**

- **Kata tugas** ialah perkataan yang tergolong ke dalam golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik: frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif.

**1. Kata hubung**

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Hubung** | Data ini diperoleh melalui kaedah kepustakaan **dan** pemerhatian dengan bantuan instrument, iaitu soal selidik. | **Dan** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 251:** *Kata hubung gabungan* ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya.<br>• Ayat yang terbentuk yang menggunakan *kata hubung gabungan* ini disebut *ayat majmuk* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *gabungan.* Contohnya, dalam ayat tersebut iaitu **"dan"**.<br>• Perkataan "**dan"** dalam ayat tersebut ialah *kata hubung gabungan* yang meghubungkan dua klausa. |
| | Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar berkaitan penggunaan kata sendi nama berada pada tahap **yang** memuaskan. | **Yang** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 252**: Bentuk *kata hubung pancangan relatif* ialah "**yang**".<br>• *Kata hubung pancangan relatif* atau ringkasnya *kata relatif* ialah perkataan "**yang",** berfungsi menghubungkan klausa utama dengan klausa kecil yang lain.<br>• Oleh itu, perkataan "**yang**" yang digunakan dalam ayat tersebut merupakan kata *hubung pancangan relatif* atau ringkasnya *kata relatif.* |
| | Jawatankuasa Laporan Razak (1956), dan Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan **bahawa** bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan wajib digunakan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. | **Bahawa** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 253**: *Kata hubung pancangan komplemen*, secara ringkasnya *kata komplemen*.<br>• Kata ini berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi komplemen atau pelengkap pada klausa utama.<br>• Contoh kata komplemen yang sering digunakan ialah **bahawa** dan *untuk*.<br>• Oleh itu, perkataan "**bahawa**" yang digunakan dalam ayat tersebut tergolong dalam *kata hubung pancangan komplemen* |
| | **Untuk** merealisasikan hasrat ini, murid-murid mesti mempunyai wawasan diri, sikap yang positif dan bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. | **Untuk** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 253**: *Kata hubung pancangan* ialah jenis kata hubung yang menyambung klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk.<br>• *Kata hubung pancangan* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *kata hubung pancangan relatif, kata hubung pancangan komplemen,* dan *kata hubung pancangan keterangan.*<br>• Penggunan **"untuk"** dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa **"untuk"** merupakan jenis *kata hubung pancangan komplemen.*<br>• *Kata hubung pancangan komplemen*, berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi komplemen yang sering digunakan ialah *bahawa* dan ***untuk***.<br>• *Kata komplemen* **untuk** hadir dalam frasa subjek. |

## 2. Kata Tanya

**Kata tanya** ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu, contonhnya, *mengapa, berapa, bila,* dan *bagaimana.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Tanya** | Anak ini datang dengan **siapa**? | **Siapa** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 255 & 256**: *Kata tanya* ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyolkan sesuatu, contohnya *mengapa, berapa, bila,* dan *bagaimana.*<br>• *Kata tanya* ini hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat.<br>• Terdapat tiga bentuk kata ganti nama yang digunakan sebagi *kata tanya*, iaitu *apa*, ***siapa***, dan *mana*. |
| | **Siapakah** yang datang semalam? | **Siapakah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 255 & 256**: Sekiranya *kata tanya* dikedepankan, maka kehadirannya dalam bentuk tulisan hendaklah disertai partikel –*kah.*<br>• Hal ini dapat dilihat pada ayat tersebut "siapa" akan menjadi **"siapakah"** apabila berada di hadapan. |

## 3. Kata Perintah

**Kata Perintah** ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan, atau permintaan. Contoh, *jangan, usah, sila, jemput, minta, tolong,* dan *harap.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Perintah** | **Silalah**, kita bertolak dengan land rover polis sahaja. | **Silalah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 256**: *Kata perintah* ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan, atau permintaan.<br>• Contohnya, dalam ayat tersebut *kata perintah* "**sila**". |
| | **Jangan** sibuk nak makan sahaja. | **Jangan** | • Perkataan "**jangan**" yang digunakan merupakan *kata perintah* yang berfungsi sebagai larangan. |

## 4. Kata Bantu

**Kata bantu** ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama, iaitu dengan menimbulkan makna tambahan dari segi *aspek* waktu atau *ragam.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Bantu** | Bertitik tolak daripada inilah, maka mata pelajaran bahasa Melayu dianggap penting dan **telah** berkembang selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang berhasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai medium menyatupadukan penduduk berbilang kaum di negara ini. | **Telah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 258 & 259**: *Kata bantu* yang hadir sebelum frasa, ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama, iaitu dengan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu atau ragam.<br>• *Kata bantu* terbahagi kepada dua kumpulan iaitu *kata bantu aspek* dan *kata bantu ragam.*<br>• Perkataan "**telah**" pada ayat tersebut merupakan jenis *kata bantu aspek.*<br>• *Kata bantu aspek* yang menunjukkan perbezaan masa, iaitu masa lampau. |

## 5. Kata Penguat

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Penguat** | Oleh itu, penguasaan dan pemahaman pelajar bagi KSN dari bagi maksud untuk menunjukkan waktu dan masa boleh dirumuskan pada tahap yang **sangat** baik. | **Sangat** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 259 & 260**: *Kata penguat* ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif.<br>• Perkataan "**sangat**" dalam ayat tersebut merupakan jenis *kata penguat bebas.*<br>• Hal ini dikatakan demikian kerana *kata penguat bebas* ialah perkataan yang letaknya atau kedudukannya bebas, iaitu sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif.<br>• Ayat tersebut *kata penguat bebasnya* **"sangat"** berada di hadapan kata adjektif "baik". |

## 6. Kata Penegas

**Kata penegas** yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Penegas** | Bertitik tolak daripada **inilah,** maka mata pelajaran bahasa Melayu dianggap penting dan telah berkembang selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang berhasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai medium menyatupadukan penduduk berbilang kaum di negara ini. | **Inilah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 261**: *Kata penegas* yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.<br>• Jenis *kata penegas* ini ialah yang menegaskan hanya frasa predikat atau bahagiannya. Contohnya, -*kah*, -*tah*, dan -*lah*.<br>• Sebagai contoh, ayat tersebut menggunakan *kata penegas –lah*. |

## 7. Kata Nafi

**Kata nafi** ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu *frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif,* dan *frasa sendi nama.* Dua bentuk kata nafi ialah *bukan* dan *tidak.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Nafi** | Dalam konteks wawasan 2020, reformasi pendidikan telah bermula dan Falasafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal dengan teliti setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak, sama ada daripada ahli akademik mahupun ahli **bukan** akademik. | **Bukan** | • "**Bukan**" merupakan jenis *kata nafi.*<br>• Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 262 & 263**: *Kata nafi* yang hadir sebelum frasa, ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.<br>• Terdapat dua *kata nafi*, iaitu ***bukan*** dan *tidak*.<br>• *Kata nafi* **bukan** menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama dalam ayat tersebut. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Hal ini penting supaya pelajar **tidak** mengulangi kesalahan yang sama selain dapat memberi penjelasan akan sebab mengapa KSN yang digunakan tidak tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang berpanjangan. | **Tidak** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 263**: *Kata nafi **tidak*** ialah unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif.<br>• Hal ini jelas terlihat bahawa kata nafi **tidak** merupakan unsur nafi bagi frasa kerja. |

## 8. Kata Pemeri

**Kata pemeri** ialah unsur yang menjadi pemerihal kepada predikat atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Contohnya, *ialah* dan *adalah.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Pemeri** | Oleh itu murid-murid perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan salah satunya **adalah** dalam konteks tatabahasa atau sistem nahu bahasa Melayu itu sendiri. | **Adalah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 263:** *Kata pemeri* merupakan unsur yang menjadi pemerihal kepada predikat atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.<br>• Hal ini dapat dilihat daripada cara huraian mengenai subjek oleh predikat, dengan penggunaan *kata pemeri **adalah***. |
| | Kajian ini **ialah** sebuah kajian kata soal dalam dialek Kedah. | **Ialah** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 263:** *Kata pemeri* ini melalui cara secara huraian tentang subjek dengan predikat, kerana menggunakan kata pemeri ***ialah***. |

## 9. Kata Sendi Nama

**Kata sendi nama** ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Contohnya, seperti *di, ke, dari, daripada, bagi, demi, tentang, seperti, bagai, umpama,* dan *sampai.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Sendi Nama** | Makalah ini bertujuan menjelaskan kesalahan | **Dalam** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 265:** *Kata sendi nama* ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | penggunaan kata sendi nama **dalam** kalangan pelajar dalam penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan (Corder, 1981). | | • Kata sendi nama "**dalam**" yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama iaitu "*kalangan pelajar*" yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.<br>• Perkataan "**dalam**" yang digunakan dalam ayat ini menunjukkan lingkungan iaitu dalam kalangan pelajar. |
| | Responden kajian terdiri **daripada** 20 orang pelajar tingkatan 2 **di** Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung, Manjung, Perak. | **Daripada** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 269:** *Kata sendi nama* "**daripada**" hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, unsur, mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan.<br>• Hal ini jelas terlihat perkataan "**daripada**" di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan manusia iaitu *20 orang pelajar*. |
| | | **Di** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 265 & 266:** *Kata sendi nama* "**di**" digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat.<br>• *Kata sendi nama* "**di**" ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya seperti ayat tersebut iaitu "**di**" Sekolah.<br>• *Kata sendi nama* "**di**" tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa, atau zaman.<br>• Oleh itu, penggunaan ayat ini betul kerana "**di**" tidak digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa atau zaman. |
| | Oleh itu, peranan pendidikan telah disesuaikan **dari** masa **ke** masa bagi memenuhi matlamat dan keperluan negara menjelang tahun 2020. | **Dari, ke.** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 268:** *Kata* sendi nama ***ke*** sering berpadanan dengan kata sendi nama ***dari*** untuk membawa maksud arah ke suatu tempat, atau waktu.<br>• Hal ini jelas terlihat penggunaan "**dari"** dan **"ke"** yang digunakan dalam ayat ini menunjukkan maksud waktu.<br>• Jelaslah bahawa perkataan "**dari**" dan perkataan "**ke**" merupakan jenis kata sendi nama. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Khususnya dari dan daripada yang digunakan **oleh** pelajar dalam konteks penulisan. | **Oleh** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 283:** *Kata sendi nama* oleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk membawa maksud menunjukkan hubungan pembuat dalam ayat pasif yang menggunakan bentuk-bentuk seperti *di-*, *ter-*, dan *kena*.<br>• Hal ini jelas terlihat apabila perkataan "***oleh***" digunakan di hadapan kata nama iaitu "pelajar" dan bentuk- bentuk "*di-*" digunakan untuk tuju kepada kepada pembuat iaitu perkataan "*di*gunakan". |
| | Pembelajaran bahasa Melayu menjadi penting **kepada** murid-murid setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa. | **Kepada** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 272 & 273:** *Kata sendi nama* **kepada** terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk menusia, haiwan, unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan.<br>• Kata sendi nama "**kepada**" yang digunakan dalam ayat tersebut menyatakan sasaran yang merujuk manusia iaitu *murid-murid.* |

## 10. Kata Arah

.

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Arah** | Ketiadaan simbol ini membuatkan ayat perintah di **atas** tidak gramatis. | **Atas** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 286:** *Kata arah* ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum frasa nama dan lazimnya sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau jurusan.<br>• Hal ini jelas terlihat bahawa sebelum perkataan "***atas***", perkataan "*di*" merupakan kata sendi nama dan ayat ini menunjukkan hala atau jurusan. |

## 11. Kata Bilangan

**Kata bilangan** ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa tersebut.

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Bilangan** | Responden kajian terdiri daripada **20 orang pelajar** tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung, Manjung, Perak. | **20 orang pelajar** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 287 & 289:** *Kata bilangan* merupakan sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa tersebut.<br>• *Kata bilangan* yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya disebut bilangan kardinal.<br>• Sebagai contohnya, ayat tersebut mempunyai bilangan kardinal iaitu "***20 orang murid***". |

## 12. Kata Adverba

**Kata Adverba** ialah perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama, dan frasa sendi nama dari segi cara, masa, dan tempat. Contohnya, *selalu, sentiasa, esok,* dan *sering kali.*

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Adverba** | Harap-harap adalah berita baik yang dapat kita sampaikan kepada ibunya **nanti.** | **Nanti** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 287 & 290:** *Kata adverba jati* terdiri daripada perkataan yang sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada golongan kata yang terdiri daripada kata kerja dan frasa kerja, kata adjektif dan frasa adjektif atau frasa sendi nama, yang tidak termasuk ke dalam mana-mana golongan lain.<br>• Oleh itu, perkataan "**nanti**" ini tergolong dalam jenis *kata adverba jati.* |

## 13. Kata Penekan

**Kata Penekan** ialah bentuk yang memberikan penegasan kepada kata yang bergabung dengannya.

| Jenis Kata Tugas | Contoh Ayat | Perkataan Kata Tugas | Analisis Ujian Sintaksis |
|---|---|---|---|
| **Kata Penekan** | Kajian ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam konteks tatabahasa **khususnya** kata sendi nama. | **Khususnya** | • Menurut **Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) M/S 295 & 296:** *Kata penekan* ialah bentuk yang memberikan penegasan kepada kata yang bergabung dengannya.<br>• Ayat tersebut mempunyai kata penekan iaitu perkataan "**khususnya**".<br>• Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan "**khususnya**" mempunyai imbuhan –*nya* yang memberikan penegasan. |

**PERBANDINGAN KATA TUGAS**

| Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (Nik Safiah Karim et al., 2015) | Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar, 2014) | Morfologi (Abdullah Hassan, 2006) [atau tahun terkini]] |
|---|---|---|
| Terdapat 17 jenis yang telah dinyatakan. | Terdapat 4 jenis telah dinyatakan. | Terdapat 4 jenis yang dinyatakan. |
| 1. Kata hubung<br>2. Kata seru<br>3. Kata Tanya<br>4. Kata perintah<br>5. Kata pangkal ayat<br>6. Kata bantu<br>7. Kata penguat<br>8. Kata penegas<br>9. Kata nafi<br>10. Kata pemeri<br>11. Kata sendi nama<br>12. Kata pembenar<br>13. Kata arah<br>14. Kata bilangan<br>15. Kata adverba<br>16. Kata penenkan<br>17. Kata pembenda | 1. Kata Bilangan<br>2. Kata Nafi<br>3. Kata Adverba<br>4. Partikel dan Penghubung | 1. Kata Adverba<br>2. Kata Hubung<br>3. Kata Sendi Nama<br>4. Kata Tugas Lain-lain |

**RUJUKAN**

Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan. (2014). Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' Dalam Dialek Kedah.

Jaafar Jambi. (2008). Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 19 (68-90)

Lokman Mohd Tahir & Nurul Qistin mustafa. (2009). Pendidikan Teknik Vokasional untuk Pelajar Bekeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jilid 24. (73-87)

Mardian Shah, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik Vol.21 (2), (081-092)*

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Norazam Nordin, Khazri Osman, Abu Dardaa Mohamad & Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah*. Jurnal Maw'izah* Jilid 3; (42-54)

Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa.

Nur Izzati Binti Rozman. (2018). Kedudukan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan semasa Negara.

Zakaria, Nurhijrah & Awang, Mohd. (2020). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Realiti dan Cabaran di Sekolah pelbagai Etnik

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A: BUKTI ARTIKEL YANG DIGUNAKAN

1. Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan



PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
*Bahasa Sendi Tamadun Bangsa*

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (019-029)

Ayat Perintah dalam Novel *Kabus di Perbukitan*

Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin
ct_mahani90@yahoo.com, hasnahmohamad@yahoo.com, rajamasittah@upm.edu.my
*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

**Gambar 1:** Artikel

sumber: https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/36/30



**Gambar 2:** Senarai perkataan yang terdapat dalam artikel Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan dengan menggunakan *TextSTAT*.

## 2. Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' Dalam Dialek Kedah.



GEMA Online™ Journal of Language Studies
Volume 13(1), February 2013 43

**Sintaksis Kata Tanya '*Sapa*' Dalam Dialek Kedah**

*Fazal Mohamed Mohamed Sultan*
*fazal@ukm.my*
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Nurulafiqah Suhaimi*
*nurulfika85@yahoo.com*
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

**ABSTRAK**

Kajian sintaksis sesuatu dialek masih kurang dijalankan di Malaysia. Maka, kajian ini merupakan usaha awal yang akan menggunakan dialek Kedah (DK) untuk membahaskan sifat dan struktur sintaksis kata tanya *sapa*. Berdasarkan penelitian awal, kata tanya *sapa* mempunyai dua kedudukan iaitu kedudukan akhir yang dinamakan *in-situ* dan kedudukan

Gambar 3: Artikel Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' Dalam Dialek Kedah.

Sumber: https://ejournal.ukm.my/gema/pages/view/submission




**Gambar 4:** Senarai Perkataan Daripada Artikel Kata Tanya 'Sapa' Dalam Dialek Kedah dengan Menggunakan *TextSTAT*.

## 3. Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu




**Gambar 5:** Artikel Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu

**Sumber:** http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24058/Article_5.PDF




**Gambar 6:** Senarai Perkataan Daripada Artikel Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu dengan Menggunakan *TextSTAT*

## 4. Pendidikan Teknik Vokasional untuk Pelajar Bekeperluan Khas


*Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24, 73–87, 2009*

**PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL UNTUK PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS**

***(VOCATIONAL DAN TECHNICAL EDUCATION FOR SPECIAL NEEDS STUDENTS)***

**Lokman Mohd Tahir dan Nurul Qistin Mustafa**
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai, Johor
E-mel: lokmantahir@gmail.com

**Mohd Hanafi Mohd Yassin**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
E-mel: mhmy6365@yahoo.com

**Abstrak:** Kajian yang menganalisis pengajaran dan pembelajaran untuk golongan berkeperluan khas dalam bidang teknik dan vokasional yang masih kurang diteliti dalam bidang pendidikan khas. Secara khusus, kajian ini cuba meneliti faktor-faktor yang dijangka dapat mempengaruhi sistem pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar berkeperluan khas di politeknik. Untuk itu, empat dimensi utama telah dijadikan asas kepada kajian ini iaitu penerimaan politeknik terhadap pelajar berkeperluan khas, kemahiran tenaga pengajar dalam menyampaikan pengajaran kepada golongan berkeperluan khas, kesesuaian silibus dan sistem prasarana dalam inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan program pendidikan khas teknik dan vokasional. Responden kajian ini terdiri daripada golongan pensyarah politeknik yang mengajar pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar khas cacat pendengaran di tiga buah politeknik yang melaksanakan program untuk pelajar berkeperluan khas. Secara keseluruhannya,

Indonesian

**Gambar 7:** Pendidikan Teknik Vokasional untuk Pelajar Bekeperluan Khas

**Sumber:** https://www.semanticscholar.org/paper/PENDIDIKAN-TEKNIK-DAN-VOKASIONAL-UNTUK-PELAJAR-KHAS-Mohd-Nurul/7dcb166c507270e6bf5201ee50789bedf2809793




**Gambar 8:** Senarai Perkataan Daripada Artikel Pendidikan Teknik Vokasional untuk Pelajar Bekeperluan Khas dengan Menggunakan *TextSTAT*

5. Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.




**Gambar 9:** Artikel Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.

Sumber: https://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/01/8.Menyulam-Budaya-Dalam-Pengajaran-Bahasa-Melayu-untuk-Penutur-Asing.pdf




**Gambar 10:** Senarai Perkataan Daripada Artikel Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing dengan Menggunakan *TextSTAT*.

6. Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah




**Gambar 11:** Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah

Sumber: https://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/812/655




**Gambar 12:** Senarai Perkataan Daripada Artikel Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah dengan Menggunakan TextSTAT.

## 7. Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa



*LSP International Journal*, Vol. 7, Issue 1, 2020, 39-59
© Universiti Teknologi Malaysia
E-ISSN 2601-002X
DOI:https://doi.org/10.11113/lspi.v7n1.95

UTM

**Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa**

**Analysis of Preposition in Writing Based on the Theory of Language Error**

Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli
Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 UPSI Tanjong Malim, Perak Malaysia

Submitted: 20/4/2020. Revised edition: 21/05/2020. Accepted: 30/05/2020. Published online: 30/06/2020

**Gambar 13:** Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa

Sumber: https://www.researchgate.net/publication/342595541_Analisis_Penggunaan_Kata_Sendi_Nama_dalam_Penulisan_Berdasarkan_Teori_Kesalahan_Bahasa_Analysis_of_Preposition_in_Writing_Based_on_the_Theory_of_Language_Error/link/5f07e0c5a6fdcc4ca45baf68/download




**Gambar 14:** Analisis kekerapan perkataan artikel Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa dengan menggunakan *TextSTAT*.

8. Kedudukan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan semasa Negara.




ISU KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DALAM BIDANG PERUNDANGAN SEMASA NEGARA

PENGENALAN

Pada 27 September 2010, buat pertama kalinya dalam sejarah perundangan negara, Mahkamah Persekutuan menerima usul untuk mengisytiharkan bahawa semua penghakiman bagi kes sivil dan jenayah yang ditulis dalam bahasa Inggeris adalah sebagai tidak sah dan terbatal kerana melanggar Perlembagaan Persekutuan. Pertikaian mengenai tindakan hakim menulis penghakiman dalam bahasa Inggeris ini merupakan isu undang-undang baharu yang belum pernah dibangkitkan semenjak kemerdekaan. Peguam Karpal Singh menegaskan bahawa berdasarkan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32), kesemua prosiding diwajibkan untuk dijalankan dalam

**Gambar 15:** Kedudukan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan semasa Negara.

Sumber: https://www.academia.edu/38027691/ISU_KEDUDUKAN_BAHASA_MELAYU_DALAM_BIDANG_PERUNDANGAN_SEMASA_NEGARA_DARI_PERSPEKTIF_SOSIOLINGUISTIK




**Gambar 16:** Analisis kekerapan perkataan artikel Kedudukan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan semasa Negara dengan menggunakan TextSTAT.

9. Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Realiti dan Cabaran di Sekolah pelbagai Etnik


SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN BAHASA, SASTERA, DAN BUDAYA MELAYU KEDUA 2019 (SAPBaSBuM 2 2019)

110-PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH REALITI DAN CABARAN DI SEKOLAH PELBAGAI TEKNIK

Nurhijrah binti Zakaria
IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

Zuria binti Mahmud
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor

Mohd Mahzan bin Awang
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor

ABSTRAK
Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran serta cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar pelajar pelbagai etnik. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kes yang dikaji ialah proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah menengah pelbagai etnik. Seramai enam orang peserta kajian iaitu guru Sejarah Tingkatan 4 daripada pelbagai kaum yang mengajar pelajar pelbagai etnik

**Gambar 17:** Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Realiti dan Cabaran di Sekolah pelbagai Etnik

**Sumber:** https://www.researchgate.net/publication/341480483_PENGGUNAAN_BAHASA_MELAYU_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_SEJARAH_REALITI_DAN_CABARAN_DI_SEKOLAH_PELBAGAI_ETNIK/link/5ec394d0299bf1c09ac91322/download




**Gambar 18:** Analisis kekerapan perkataan artikel Analisis kekerapan perkataan artikel Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa dengan menggunakan *TextSTAT*

## LAMPIRAN B: NOTA RINGKAS PENGGOLONGAN KATA BERDASARKAN BUKU TATABAHASA DEWAN

### Kata Nama



**Kata Kerja**

Perkataan yang mengandungi perbuatan merupakan aktiviti yang terkandung dalam perkataan atau menunjukkan keadaan melakukan sesuatu yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja.

Dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu

1. **Kata Kerja aktif** (ayat yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau yang diterangkan

   a. kata kerja aktif tak transitif (tidak memerlukan penyambut atau objek)

      i. tanpa pelengkap (boleh berdiri tanpa objek/penyambut)
      ii. pelengkap (mesti diikuti pelengkap untuk mmenyempurnakan maksud ayat)

   b. kata kerja aktif transitif (mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya)

2. **Kata Kerja pasif.** (Hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. (i)-(v), apabila dipasifkan)



**Pembentukan Kata Kerja**

Proses pembentukan kata bahasa Melayu terbahagi kepada 4 bahagian:

1. **Kata kerja Tunggal (kata yang terbentuk tanpa imbuhan)**

   -Dalam bahasa melayu jenis ini tidak sebanyak kata kerja terbentuk dengan imbuhan.
   -Jadi kata kerja demikian bersifat tak transitif

2. **Kata kerja Terbitan (terhasil daripada proses pengimbuhan)**

   - Bentuk kata yang mengandungi kata dasar yang mendapat atau menerima baik awalan, sisipan, akhiran atau
   - Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat dan harus diimbuhkan pada bentuk yang lain yang merupakan kata dasar.
   - proses yang menggandingkan imbuhan melahirkan perkataan-perkataan terbitan
   - Terdapat empat jenis imbuhan iaitu:




3. Kata kerja Majmuk (rangkaian dua morfem bebas atau lebih yang terdiri daripada golongan kata nama)

4. Kata kerja Ganda (diterbitkan melalui proses penggandaan)

**Kata Adjektif**






## Kata Tugas

- **Kata tugas** ialah perkataan yang tergolong ke dalam golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik: frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif.

- Kata-kata tugas hadir dalam ayat, klausa, atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendepan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemeri, atau tugas-tugas lain.

## JENIS KATA TUGAS

1. Kata hubung
2. Kata seru
3. Kata Tanya
4. Kata perintah
5. Kata pangkal ayat
6. Kata bantu
7. Kata penguat
8. Kata penegas
9. Kata nafi
10. Kata pemeri
11. Kata sendi nama
12. Kata pembenar
13. Kata arah
14. Kata bilangan
15. Kata adverba
16. Kata penenkan
17. Kata pembenda